



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

646 KAKITANGAN KPWK TERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

BANGI, 17 Jun: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini meraikan kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 di Bangi Avenue Convention Centre (BACC). Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seramai 646 orang penerima APC telah diraikan dalam majlis ini dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan penerima terbesar iaitu seramai 525 dan yang menariknya lapan orang terdiri mereka merupakan golongan Orang Kurang Upaya.

Selain itu, penerima anugerah yang lain terdiri daripada 72 orang daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 24 orang kakitangan kementerian, 19 orang daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan 6 orang daripada Institut Sosial Malaysia (ISM).

Penganugerahan APC merupakan tanda penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian cemerlang sepanjang Tahun 2024. Pengiktirafan seumpama ini akan terus menjadi pembakar semangat dan pencetus azam untuk terus berkhidmat dengan penuh tekad dan keazaman dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya mengingatkan warga KPWK untuk menerapkan konsep 3 "I" sebagai asas untuk melestarikan kecemerlangan di KPWK iaitu "Integriti, Ikhlas dan Islah". Menurutnya konsep berkenaan selari dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang tidak hanya berorientasikan output atau outcome semata-mata tetapi turut mengambil kira aspek nilai, tahap kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh penjawat awam terlibat.

Turut hadir ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWK, YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWK, Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan kementerian.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
17 JUN 2025**